

Terima padah kerana tamak

Sina - Harian
3/5/2019 11/8/17

KUALA TERENGGANU- Sebuah bot nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu selepas disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan, di lokasi 23 batu nautika Kuala Terengganu, semalam.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, turut ditahan dalam operasi kira-kira jam 7 petang itu, lima awak-awak warga tempatan termasuk tekong yang berusia antara 35 hingga 53 tahun.

"Bot berpendaftaran tempatan jenis kelas C itu ditahan oleh kapal Maritim KM Nusa yang sedang melakukan rondaan Ops Iman.

"Siasatan mendapati bot berkenaan melakukan kesalahan melanggar syarat lesen yang diluluskan iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di bawah kawasan dibenarkan" katanya.



Bot nelayan tempatan ini ditahan APMM Terengganu kerana disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan semalam

pada satu kenyataan akhbar dikeluarkan semalam.

Muhammad Suffi berkata, bot tersebut seterusnya dibawa ke jeti APMM Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 8 (b) 1985 Akta Perikanan kerana menangkap ikan di bawah kawasan yang dibenarkan mengikut syarat lesen.

"Jika disabitkan kesalahan,

kesemuanya boleh dikenakan denda sebanyak RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali" katanya.

Susulan penahanan bot tersebut, turut berjaya dirampas hasil laut iaitu sotong dan ikan berbagai jenis yang dianggarkan hampir 1.5 tan serta 2,000 liter minyak diesel.